

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِمْ شُيُوءٌ فَيَسِرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا
تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَغْلَوْنَ إِنَّ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾
(Surah al-Imran: 137-139)

Ayat di atas menjelaskan tentang kepentingan beriman dengan sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan pengertian sunnatullah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** konsep sunnatullah. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kesan beriman dengan sunnatullah terhadap individu. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

Jelas

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : *pemada yg di didik oleh beribadah* : *pemimpin Imam yg adil*
سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : *ingin tau masjid* الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابَتْ نَشَأٌ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ،
وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ
طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَتْ : *brg yg berakur lpd* إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَحَقُّى حَتَّى لَا
تَعْلَمَ شِمَالَهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ. (متفق عليه)

Allah sehingga mengalir air mata

Hadis di atas menjelaskan tentang tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan naungan dalam konteks hadis di atas?

[2 markah]

- (ii) Senaraikan **dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain daripada seseorang yang hatinya mencintai masjid. [2 markah]
- (iii) Sebagai seorang muslim, bagaimanakah anda memupuk rasa cintakan masjid sebagai rumah Allah SWT yang agung. [4 markah]
- (c) Nyatakan cara bacaan bagi tanda waqaf berikut: [2 markah]
- (i) صَوْتِكَ
- (ii) عَلَيْنَا

- 2 (a) (i) Nyatakan maksud ajaran sesat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **empat** ciri ajaran sesat. [4 markah]

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006 telah membincangkan Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya kepada Islam di Malaysia. Muzakarah ini memutuskan bahawa Gerakan Pemikiran Liberal mengandungi fahaman-fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah. Muzakarah juga telah memutuskan bahawa Aliran Pemikiran Liberal adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada Syariat Islam.

Sumber: e-Sumber Maklumat Fatwa (e-SMAF) JAKIM

- (iii) Kemukakan hujah anda tentang **kepentingan menjauhkan diri daripada terpengaruh dengan fahaman di atas dalam beragama**. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud Ahli Sunah Wal Jamaah. [2 markah]

- (ii) Jelaskan pandangan Ahli Sunah Wal Jamaah berkaitan isu di bawah:

1) Pelaku dosa besar. *rukuk buku.*

2) Melihat Allah SWT.

[4 markah]

- (iii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah. [4 markah]




3 (a) (i) Senaraikan **dua** unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam.

[2 markah]

(ii) Jelaskan matlamat pensyariatan muamalat dalam Islam.

[2 markah]

(iii)



Sumber : <http://sinarharian.com.my/>

Berdasarkan keratan akhbar di atas, ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya perkara tersebut tidak diatasi dengan segera.

[4 markah]

(b) (i) Apakah maksud faraid?

[2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** syarat sah bagi waris penerima faraid.

[2 markah]


(c) (i) Nyatakan maksud takzir.

[2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** contoh hukuman takzir.

[2 markah]

(iii)



Berdasarkan kenyataan akhbar di atas, bagaimanakah hukuman takzir dapat mengatasi masalah jenayah. Huraikan pendapat anda.

[4 markah]

(a) (i) Senaraikan **dua** hasil yang menjadi sumber ekonomi kerajaan Umayyiah. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** langkah yang telah diambil oleh para khalifah kerajaan Umayyiah untuk meningkatkan ekonomi. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** peranan umat Islam masa kini untuk mengembalikan kegemilangan Islam seperti yang telah dicapai pada zaman kerajaan Umayyiah. [4 markah]

- (b) (i) Ahmad bin Ibrahim merupakan pengamal undang-undang yang berjaya di Malaysia.
Nyatakan riwayat hidup beliau. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan tokoh dalam bidang perundangan di Malaysia. [4 markah]



Tokoh Ahmad bin Ibrahim.

- (iii) Tokoh di atas telah dianugerahkan pelbagai pingat, antaranya Tokoh Maal Hijrah (1989) dan Pingat Tun Abdul Razak pada 1992 semasa hayatnya.
Buktikan bahawa anugerah yang diterima bertepatan dengan keperibadian tokoh. [4 markah]

- 5 (a) (i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** aspek keseimbangan dari sudut jasmani. [4 markah]

- (iii)
- وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾

Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata:
"Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka".
(Surah al-Baqarah: ayat 201)

Berdasarkan petikan ayat di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkan prinsip wasatiah dalam kehidupan sebagai seorang pelajar yang bertakwa.

[4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 markah]

(iii)

Tiada beg plastik termasuk warung tepi jalan pada 2025

KLANG – Kerajaan menyasarkan tiada lagi penggunaan beg plastik di semua premis seluruh negara pada tahun 2025. Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, pelaksanaan dibuat secara berfasa daripada premis tetap sebelum beransur-ansur terhadap premis perniagaan termasuk warung tepi jalan.

Sumber ubah suai: *Kosmo! Online* 9 Mei, 2023

Ramalkan keadaan yang akan berlaku sekiranya semua rakyat Malaysia menyahut seruan di atas. [4 markah]

MODUL TAMAT